



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa UTHM yang menyertai misi bantuan pasca mangsa banjir di Pekan, Pahang baru-baru ini.

# Misi pasca banjir UTHM

**S**ERAMAI 80 Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) bersama Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai misi bantuan mangsa banjir di Pekan, Pahang baru-baru ini bagi melaksanakan kerja pembersihan dan membina pulih kediaman yang terjejas..

Misi yang turut disertai oleh anggota RELA daerah Pekan ini melibatkan beberapa lokasi seperti

Sekolah Kebangsaan Temai, Masjid Jamek Mukim Temai, dan Klinik Desa Kampung Temai Tengah.

Selain kerja-kerja pembersihan, pasukan sukarelawan turut membantu mengasing dan mengagihkan barang-barang bantuan serta memberi khidmat nasihat dan sokongan moral kepada mangsa banjir bagi meringankan beban yang ditanggung.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Temai, Mohd Imeran Ibrahim

berkata, dia pada awalnya mendapat arahan daripada supaya menunda jadual persekolahan kepada satu tarikh lain sehingga bangunan sekolah yang terjejas kembali seperti sedia kala.

"Pihak kami amat berterima kasih kepada semua badan kerajaan, bukan kerajaan serta syarikat swasta yang turun membantu sehingga sekolah ini mampu memulakan sesi persekolahan seperti biasa mengikut jadual yang

telah ditetapkan," katanya.

Misi bantuan pasca banjir yang melibatkan sukarelawan RELASIS dan SUKSIS ini bukan sahaja dapat membantu mangsa banjir, malah telah merapatkan lagi hubungan antara pasukan sukarelawan yang lain terutamanya dengan RELA daerah Pekan.

Bantuan kemanusiaan ini akan diteruskan daripada masa ke semasa sehingga keadaan kembali pulih.